

'Pegang teguhlah maksud kerja sungguh-sungguh'



MAHU BERUSAHA KEKAL RELEVAN: Setelah empat dekad menceburi bidang muzik, M. Nasir mahu terus kekal relevan untuk generasi muda akan datang, malah berkata sempena konsertnya, 'Suatu Masa M. Nasir - Raikan Muzik 40 Tahun', penggiat seni muzik hari ini perlu mengikut trend atau cipta trend baru jika ingin kekal dalam industri itu. - Foto BM oleh NURMAYA ALIAS

► **NURMAYA ALIAS**
nurmaya@sph.com.sg

TANYA artis legenda M. Nasir, apakah legasi yang beliau ingin tinggalkan setelah empat dekad menceburi industri muzik, dan jawapan ringkasnya adalah "sungguh-sungguh".

"Sungguh-sungguh" itu, saya rasa akan menghasilkan kerja yang baik daripada orang yang tidak bersungguh-sungguh.

"Jadi, saya pegang 'sungguh-sungguh' itu dari dahulu apabila saya hendak menjadi penyanyi walaupun perjalanannya bergelombang juga pada mulanya," kata penyanyi dan penulis lagu terkenal ini yang mendapat gelaran 'Dato'.

M. Nasir, yang nama penuhnya Mohd Nasir Mohamed, telah meraih beberapa gelaran lain termasuk sifu, guru, cendekiawan seni dan legenda.

Kelmarin, beliau meraikan ulang tahun ke-40 penceburannya dalam industri muzik dengan sebuah konsert anjuran Mediacorp VizPro International dan Suria.

Konsert *Suatu Masa M. Nasir - Raikan Muzik 40 Tahun* itu telah diadakan di MES Theatre di Mediacorp.

M. Nasir, yang lahir di Singapura pada 4 Julai 1957 juga baru mencecah usia 61 tahun.

Berkongsi kisah bagaimana beliau mula menceburi bidang seni di bidang media konsert itu pada Khamis lalu, M. Nasir berkata:

"Saya menceburi bidang seni suara ini dari seni lukis dan saya juga aktif dalam bidang teater dan drama.

"Tapi, muzik ini sesuatu yang besar dalam diri saya kerana sejak kecil lagi saya sudah mula menyanyi apabila saya jatuh sakit dan terpaksa duduk di hospital.

"Saya lompat-lompat atas katil sambil menyanyi lagu P. Ramlee, *Tidurlah Wahai Permaisuri*.

Jururawat yang suruh saya menyanyi dan saya nampak bapa saya tepuk tangan di luar tingkap.

"Itulah kali pertama saya buat persembahan pertama di depan orang," kata M. Nasir, yang meminati lukisan Leonardo da Vinci semasa kecil. Lulusan diploma dalam jurusan lukisan Barat daripada [redacted], beliau bertapak dalam industri muzik Singapura dan Malaysia sejak 1978.

Sepanjang tempoh 40 tahun, M. Nasir telah membina nama sebagai penyanyi, penggubah lagu, komposer, penerbit, penyair, pelakon dan pengarah filem.

Katanya lagi, ketika selalu mendengar muzik pada zaman muda, beliau dapati ada perbezaan yang membuat sesuatu muzik itu lebih bermutu dan bertahan lama.

"Saya sedar bahawa lagu yang saya sukai itu ada tahap kemahiran lebih tinggi daripada lagu yang saya tidak sukai," ujar M. Nasir.

Justeru, apabila mencipta dan merakamkan lagu buat diri sendiri, katanya, lagunya mesti mengisi jiwa seninya.

"Kalau saya buat lagu untuk orang lain, saya buat lagu supaya ia jadi popular atau ikut tema popular.

"Tapi, apabila saya sendiri buat rakaman, saya buat lagu yang saya sendiri nak, macam lagu *Mentera Semerah Padi* dan *Tanya Sama Itu Hud-Hud*," kata M. Nasir.

Beliau merupakan pencipta genre muzik baru dikenali sebagai muzik Nusantara yang menggabungkan bunyi alat muzik tradisional Melayu dengan muzik Barat.

Pendengar diperkenalkan kepada muzik Nusantara menerusi album Solo (1988) yang diperkenalkannya ke Malaysia selepas beliau berpindah ke sana dari Singapura pada lewat 1984.

Lagu single *Mustika*, yang menggabungkan bunyi gamelan dan angklung, menjadi popular di kalangan pendengar Melayu di kedua-dua negara.

Dalam pada itu, beliau juga telah menghasilkan banyak lagu hit untuk band rok dan penyanyi Malaysia seperti Alleycats, Search, Wings dan Ella.

Lantaran itu, antara album yang beliau anggap telah menaikkan kerjaya nyanyianya ke puncak jaya dan memberi impak kepada peminat muzik ialah album *Mentera Semerah Padi*, *Tanya Sama Itu Hud-Hud* dan lagu-lagu Hari Raya beliau.

"Saya rasa bukan bangga tapi berterima kasih kerana saya terlibat dalam banyak lagu Hari Raya," kata M. Nasir dengan rendah hati.

Membayangkan rancangan masa depannya, M. Nasir sempat bergurau dan berkata:

"Selain mencari duit untuk bayar bil, apa yang kita boleh buat dalam bidang media ini ialah sentiasa adakan penerbitan seperti buat muzikal, penerbitan filem atau televisyen atau persembahan.

"Tetapi, dunia hiburan berubah-ubah dan pihak penyiaran selalu tertarik kepada benda baru. Jadi, kita mesti ikut perubahan dan ini cabarannya," kata beliau.

Malah, beliau tidak menafikan masih lagi berusaha supaya kekal relevan untuk generasi muda akan datang.

"Media sosial ini dunia baru dan cepat berubah. Kalau kita tidak ikut, kita ketinggalan," katanya.

Beliau, bagaimanapun, berkata, jika seorang pemuzik dapat menghasilkan muzik berkualiti, sesuatu lagu itu akan kekal.

"Trend akan berubah-ubah dan akan sentiasa ada orang muda yang mengambil alih orang lama.

"Tetapi, kalau nak muzik kekal, kita ikut trend atau cipta trend baru," katanya.

Namun, jangan fikir M. Nasir selalu menyanyi lagunya dalam ruang peribadi.

"Apabila menyanyi *sorang-sorang*, saya akan menyanyi beberapa lagu yang saya kira sedap untuk saya nyanyi macam lagu Search, *Fantasia Bulan Madu*," katanya.

Laluan empat dekad

PERJALANAN seni Datuk M. Nasir tidak bermula dengan mudah.

Album pertamanya, *Untuk Pencipta Seni*, di bawah nama Mohamad MN pada 1981 dengan label Philips, tidak mendapat sambutan.

Berikut kami jejaki sekilas laluan M. Nasir dalam kembara seni.

1978 - Diundang penerbit eksekutif Polygram Singapura, Wan Ibrahim Embung, menulis lirik untuk kumpulan Alleycats yang meningkat popular pada masa itu. Tidak lama kemudian, beliau ditawarkan bertugas di syarikat itu.

1981 - Menghasilkan album pertama bersama Kembara. Album selung itu meraih penjualan 25,000 naskhah, diikuti dengan penerbitan enam album lain sehingga pembubarannya pada akhir 1985.

1984 - Berhijrah ke Malaysia di mana beliau mendapat kerakyatannya secara naturalisasi pada 1989.

1986 - Membintangi filem *Kembara Seniman Jalanan* arahan Nasir Jani. Beliau melakonkan watak sebagai Jebat/Bujang, seorang pemuzik jalanan yang baru tiba di Kuala Lumpur, dalam filem itu.

1989 - Hasilkan album solo dengan PMC/BMG, S.O.L.O., album pertamanya yang didaftarkan atas nama M. Nasir.

1990 - Menubuhkan label rakamannya sendiri, Luncai Emas, yang beribu pejabat di Sungai Buloh, Selangor. Di sana beliau melancarkan album solo ketiganya, *Saudagar Mimpi* (1992), yang kesemua lirik untuk 11 lagu di dalamnya dituliskan sendiri.

1995 - Album studio keempat beliau, *Canggung Mendonan*, memperlihatkan M. Nasir menentang muzik Nusantara sehingga memenangi Album Tradisional Terbaik dan lagu *Mentera Semerah Padi* memenangi Lagu Terbaik di Anugerah Industri Muzik kedua pada tahun tersebut.

1999 - Album kelima beliau, *Srikandi Cintaku*, merakamkan semula lagu-lagu ciptaan beliau yang sebelumnya pernah dipopularkan oleh artis-artis popular dan beliau sendiri.

2001 - Menghasilkan album *Phoenix Bangkit* yang mencetus fenomena dalam muzik Melayu baru.

2011 - Mendapat Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran 'Datuk' sem-

pena Hari Keputeraan ke-80 Sultan Pahang di Istana Sultan Abu Bakar.

Beliau juga telah membintangi 11 filem, termasuk yang popular, *Puteri Gunung Ledang*, pada 2004 dan *Tombiruo: Muzik Rimba* pada 2017.

M. Nasir juga pernah menjadi pengetua Akademi Fantasia Musim 3.

Lagu-lagunya turut mempopularkan penyanyi seperti Rahim Maarof, Alleycats, Search, Wings, Ella, Ziana Zain, Hattan, Spider, Mawi dan Misha Omar.

Beliau juga terlibat dalam bidang seni lukisan, terutamanya seni abstrak dan mengadakan pameran seni seperti *Tanda* pada 2014 dan *Tanda II* pada 2015, kedua-duanya diadakan di Shah Alam.

Beliau berkahwin dengan vokalis kumpulan Ideal Sisters, Junainah Johari, pada 1984 dan dikurniakan lima anak - empat lelaki iaitu Ilham, Yassin, Hidayat dan Shafie; dan seorang anak perempuan, Nurilam Sari.

Setelah Junainah meninggal dunia pada 8 Ogos 1998 akibat semput, beliau berkahwin kali kedua dengan pelakon dan penulis skrip, *Marlia Musa*, pada 2000 dan dikurniakan seorang anak perempuan bernama Suci Musalmah.

Tarekat seni M. Nasir perlu didokumentasikan



LAGU SARAT DENGAN SIMBOL, PESANAN DAN RENUNGAN: Lirik lagu 'Tanya Sama Itu Hud-Hud' di kulit album M. Nasir. - Foto XYRZYONE

► **HANIM MOHD SALEH**
hanim@sph.com.sg

DI SEBALIK lagu-lagunya yang disusun hebat, tersemat seni kata yang cukup menyegat, bahkan cukup mendalam nilai falsafahnya.

Justeru, tidak hairan jika dikatakan karya-karya seni Datuk M. Nasir yang dihasilkan sepanjang 40 tahun lalu telah banyak dikaji, dikupas secara ilmiah oleh pensyarah seni, penulis blog, pencinta seni, bahkan golongan ulama yang memahami tarekat yang tersirat di belakang lirik yang menjadi siulan peminat.

Dalam hal lirik, pengiktirafan juga harus diberikan kepada Allahyarham Loloq atau Rosli Khamis, yang kalimat tintanya begitu "senyawa" dengan muzik gubahan Nasir sehingga hasilnya dirasa besar, berat dan berisi.

Antara lagu-lagu yang sering diperkatakan inti maksudnya ialah *Tanya Sama Itu Hud-Hud*, *Langgam Pak Dogo*, *Di Balik Cermin Mimpi*, *Hijab Kekasih* dan *Ada*.

Nasir, dalam satu temu bual dengan wartawan, mengakui banyak membaca, menggali sejarah, cebisan-cebisan kisah yang disebut dalam Al-Quran dan sunah, tetapi tidak semestinya untuk berkarya.

Beliau, seperti Loloq, mengkaji karya puisi agung tokoh sufi yang sarat dengan simbol, pesan-an dan renungan.

Antara mereka termasuklah Ibnu Arabi, penyair kelahiran Andalusia, Sepanyol, yang terkenal dengan karyanya *Al-Futuhat al-Makkiyah* dan *Fushush al-Hikam*; dan Maulana Jalaluddin Rumi Muhammad bin Hasin al-Khattabi al-Bakri, yang terkenal dengan tarekat al-Maulawiyah dan kitab *Al-Matsnawi*. Turut dirujuk ialah penyair Fariduddin Attar, penyair dari Parsi.

Bahkan lagu *Tanya Sama Itu Hud-Hud*, menerusi banyak kupasan para ilmiah, telah dikaitkan dengan puisi karya monumental Attar, iaitu *Manthiq at-Thair* atau *Musywarah Burung*.

Antara yang dikupas bagi lagu *Tanya Sama Itu Hud-Hud* ialah:

"Tujuh puluh tiga pintu
Tujuh puluh tiga jalan
Yang sampai hanya
satu jalan"

Pembukaan lirik lagu itu dikaitkan dengan hadis sahih Rasulullah (*saw*) riwayat at-Termidzi:

"Sesungguhnya di kemudian hari nanti akan berpecah-pecah umatku sebagaimana berpecahnya kaum Yahudi dan Nasrani dalam agama mereka. Berpecah umatku menjadi 73 firqah (golongan atau mazhab), 72 golongan atau firqah atau mazhab masuk neraka dan satu (sahaja) masuk syurga."

Beribu-ribu Margasatua

"... ketinggian tahap kesenian yang mampu dibentuk dalam karya-karya M. Nasir dan Loloq layak diangkat sebagai wadah sastra yang wajar dikaji di peringkat akademik, sebagaimana pelajar-pelajar sastra dihadirkan dengan novel-novel dan antologi sastra tempatan sebagai teks.

- Penulis.

*Mencari raja si Muraq
Yang sampai hanya
tiga puluh*

Kitab tulisan Attar itu mengisahkan perjalanan seekor burung untuk mencari raja burung yang dikenali sebagai Si-murgh (Muraq) di puncak Gunung Kaf. Namun, burung-burung dipimpin Hud Hud perlu menempuh tujuh lembah yang penuh halangan untuk sampai ke hadrat Si Muraq.

Pencarian ini adalah perumpamaan dengan tarekat manusia mencari Penciptanya dan bagaimana insan perlu melepasi ujian-ujian itu sebelum akhirnya sampai kepada Raja Semesta Alam sebenarnya.

Kenapa timbul saranan *Tanya Sama Itu Hud-Hud*?

Kerana Hud Hud, sebagaimana yang pernah diceritakan dalam zaman Nabi Sulaiman as, jujur dan ikhlas dalam mentauhidkan Allah *swt* dan selamat untuk manusia mencari semula jalan yang satu.

Banyak lagi lagu sifu seni kelahiran Singapura ini disorot, dikupas dan dikaji, sama ada berdasarkan pemahaman penulisan-penulis tertentu atau dikaitkan dengan rujukan, selain dibincangkan dalam wadah-wadah ilmu seni.

Justeru, amat wajar jika kajian-kajian itu dapat dikumpulkan dan didokumentasikan secara rapi dalam bentuk cetakan dan digital.

Ini perlu sebagai panduan dan bahan ilmiah untuk menyuntik inspirasi dalam diri pelajar dan seniman muda dalam menghasilkan karya besar dan berisi berdasarkan hala tuju kehidupan sebenarnya.

Bahkan ketinggian tahap kesenian yang mampu dibentuk dalam karya-karya M. Nasir dan Loloq layak diangkat sebagai wadah sastra yang wajar dikaji di peringkat akademik, sebagaimana pelajar-pelajar sastra dihadirkan dengan novel-novel dan antologi sastra tempatan sebagai teks.